

## DUALISME DALAM PENDIDIKAN

### PENDAHULUAN

Dalam menangani arus globalisasi, kemodenan dan pembangunan, dikenali juga dengan zaman kepesatan maklumat tanpa sempadan, pendidikan memainkan peranan penting yang amat mencabar sekali dalam kehidupan umat manusia. Tanpa pendidikan, manusia tidak akan mengenal huruf, tidak mampu membaca dengan baik dan tidak mempunyai pengetahuan sama ada secara *formal, informal* maupun *non-formal*.

Pembentukan modal insan sebahagian besarnya dapat dinilai melalui pendidikan. Justeru dengan sentiasa menitikberatkan pendidikan ke dalam diri individu umumnya dan masyarakat khususnya akan membawa kepada perkembangan positif terhadap negara. Walau bagaimanapun, pendidikan agama perlu diterapkan ke dalam pendidikan umum supaya manusia khususnya umat Islam tidak akan mudah terpesong daripada ajaran Islam yang mencakupi aspek akhlak, akidah dan syariah.

Ayat Al-Qur'an yang mula-mula sekali diturunkan kepada Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam pun menerangkan secara global tentang tuntutan menggali ilmu dengan melalui pendidikan. Firman Allah (Surah al-'Alaq : ayat 1 – 5) ;

*“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan qalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

Namun sejak berdekad-dekad yang lalu, hampir semua negara Islam mengamalkan sistem pendidikan yang berbentuk *dualisme*, iaitu dua aliran pendidikan yang dikenali sebagai aliran sekolah kebangsaan dan aliran sekolah agama. Matlamat dan tujuan kedua-dua sistem dan bentuk pendidikan ini amat jauh berbeza serta menimbulkan jurang pemisahan antara pelajar kedua-dua aliran tersebut. Aliran sekolah kebangsaan yang semua subjek pelajarannya bersifat duniawi, lebih menekankan penguasaan ilmu-ilmu akademik dan ketrampilan, namun kurang menumpukan aspek kerohanian dan mental para pelajar sehingga akhirnya akan menimbulkan kekosongan jiwa. Natijahnya lahirlah pelajar yang tidak ada keseimbangan antara kehidupan duniawi dengan ukhrawi.

Sekolah aliran agama pula hanya menumpukan subjek yang hanya bersifat keagamaan semata-mata tanpa memberikan perhatian yang secukupnya terhadap pendidikan umum, akan melahirkan generasi yang hanya pandai dalam bidang agama, tetapi tidak mempunyai bekalan dalam

pengetahuan umum yang mencukupi serta ketrampilan yang cukup dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin maju. (Gamal Abdul Nasir, 2003).

Justeru sebelum mengupas lebih lanjut mengenai isu ini, perlu diketahui apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan istilah *dualisme* dalam pendidikan.

### **DEFINISI ISTILAH DUALISME PENDIDIKAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (cetakan ketiga, 2002), istilah ***dualisme*** membawa maksud '*teori yang berasaskan dua dasar yang berlainan*' atau '*perihal yang mendua, sesuatu yang berasaskan dua hal yang bertentangan.*'

Sementara **pendidikan** pula membawa makna ;

- (i) Perihal mendidik; Ilmu pendidikan, ilmu mendidik pengetahuan mendidik, ilmu didik; didikan, latihan, ajaran (Kamus Dewan edisi ketiga, 2002)
- (ii) Proses belajar dan mengajar; pengalaman menerima (ajaran, latihan, didikan); bentuk, kaedah, perihal mendidik (dalam ajaran, latihan, didikan). (Kamus Bahasa Melayu, 1997)
- (iii) *Tarbiyah*, pengajaran, pengasuhan, penjagaan. (Tesaurus Melayu Moden Utusan, 2001).

Apabila dicantumkan istilah ***dualisme dalam pendidikan*** ditakrifkan seperti berikut ;

- (a) ...wujudnya dua sistem pendidikan yang berbeza iaitu sistem pendidikan tradisional Islam dan sistem pendidikan moden. Sistem pendidikan tradisional Islam lebih menumpukan perhatiannya terhadap ilmu-ilmu keagamaan semata-mata dengan mengabaikan ilmu-ilmu moden. Manakala sistem pendidikan moden hanya menitikberatkan ilmu-ilmu moden dengan mengabaikan ilmu-ilmu keagamaan. (Abdul Halim Ramli, dalam rencana tulisannya, *Memecah Dualisme Hamoniskan Ilmu : Reformasi Sistem Pendidikan Menurut Perspektif Syekh Mohamad Abduh dan Sayyid Ahmad Khan*).
- (b) ...masalah masyarakat Islam rata-rata, bukan sahaja di Malaysia, ialah kita telah mewujudkan *dualisme* di antara ilmu wahyu atau *naqliyah* dengan ilmu *aqliyah* ataupun '*sciences*'. (Dato' Seri Najib Tun Razak, bekas Menteri Pendidikan Malaysia, kini Timbalan Perdana Menteri Malaysia).
- (c) ...program pendidikan yang dimajukan di Barat tidak sesuai untuk masyarakat negara ini kerana program tersebut mengamalkan prinsip *dualisme* dan *sekularisme* yang memisahkan ilmu keduniaan dan ilmu agama. (Nik Azis Nik Pa, dalam bukunya, *Program Pendidikan pintar Cerdas : Teori dan Praktik*).

Berdasarkan tiga definisi di atas, *dualisme* dalam pendidikan secara ringkasnya ialah ***pengasingan di antara ilmu agama dengan ilmu selain agama***, iaitu ilmu yang mempunyai berbagai definisi; ilmu moden oleh Abdul Halim Ramli, ilmu sains oleh Dato' Seri Najib dan ilmu keduniaan oleh Nik Azis. Walaupun istilah tersebut ditakrifkan dalam pengertian yang berbeza, ia tetap datang dari satu punca iaitu Barat, akibat kesan penjajahan misalannya Belanda di Indonesia, British di Malaysia bahkan di Brunei sendiri apabila kuasa British bertapak di Brunei, ia tidak cuma mengubah sistem politik, pentadbiran, ekonomi dan undang-undang, malah secara tidak langsung mempengaruhi sistem pendidikan Brunei. Pihak British telah memperkenalkan sistem pendidikan sekular berbentuk formal kepada masyarakat Brunei dan ini telah menjadikan *dualisme* sistem pendidikan di Brunei sejak kurun ke 20 Masehi, iaitu sistem pendidikan agama Islam dan pendidikan *sekular*. (Asbol Mail, 2006)

### **INTIPATI DUALISME DALAM PENDIDIKAN**

Kedua-dua sistem pendidikan iaitu pendidikan umum (atau pendidikan *sekular*) dan pendidikan Islam ini adalah antara warisan yang ditinggalkan oleh penjajah, sebagai usaha untuk memecahbelahkan umat Islam dan bertujuan untuk memisahkan antara agama dengan ilmu umum, yang pada akhirnya akan meluaskan jarak antara kedua-duanya. Di Indonesia sebagai misalnya sehingga kini masih mengamalkan *dualisme* dalam sistem pendidikan. Akibatnya pendidikan diurus dan ditadbir oleh dua kementerian. Kementerian Pendidikan mengurus dan mentadbir sekolah umum daripada tadika hingga peringkat universiti. Sedangkan Kementerian Agama pula mengelola dan mengurus sekolah agama seperti madrasah dan pesantren, daripada tadika hingga peringkat universiti. Oleh sebab pendidikan diurus dan ditadbir oleh dua kementerian, sudah pasti ini memberikan impak dalam pembiayaan dan pengurusan ke atas kedua-dua aliran sekolah tersebut. Apa yang pasti sekolah umum yang diurus dan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan dan perbelanjaan yang jauh lebih besar jika dibandingkan dengan sekolah agama.

Hal ini juga membabitkan penyediaan prasarana pendidikan dan guru yang terlatih. Ada anggapan sesetengah masyarakat bahawa sekolah agama dan lulusannya digolongkan dalam kelas kedua, kerana dikaitkan dengan kedaifan dan kekurangannya serta peluang pekerjaan bagi para lulusannya.

Jika di bandingkan dengan Negara Brunei Darussalam memang tidak jauh berbeza. Pendidikan agama Islam merupakan sistem pendidikan yang mengajarkan aspek keugamaan seperti mengaji Al-Qur'an, belajar hukum-hakam Islam, ibadat, sejarah Islam dan sebagainya. Dan secara formalnya, setiap kanak-kanak Islam akan mengikuti kelas persekolahan agama pada sesi sebelah petang bermula dari pra-sekolah hinggalah darjah enam sahaja, yang agak terbatas waktunya meskipun

diajarkan secara *konsisten*. Pembelajaran secara teori banyak diajarkan oleh guru-guru agama disamping pembelajaran secara *praktikal* seperti solat Zuhur dan Asar, ada kalanya turut diamalkan setiap hari waktu persekolahan. Matlamat utama sistem pendidikan ini adalah semata-mata untuk membentuk umat manusia yang beriman kepada Allah agar kehidupan mereka berbahagia di dunia dan di akhirat.

Sementara itu, sistem pendidikan *sekular* (atau pendidikan umum) yang rata-ratanya diajarkan pada sesi sebelah pagi di kebanyakan sekolah di negara ini adalah sistem persekolahan yang mengajarkan mata pelajaran-mata pelajaran seperti matematik, sains, geografi, bahasa, sejarah, perdagangan, lukisan, komputer dan sebagainya. Sistem pendidikan seumpama ini memang dijalankan di kesemua sekolah-sekolah Melayu, Inggeris, Cina, sekolah misi, bahkan di peringkat pendidikan teknik dan vokasional hinggalah peringkat institusi pengajian tinggi. Dalam aspek pengajarannya, hubungan dengan unsur-unsur keagamaan agak kurang dipentingkan ataupun langsung tidak diambil kira.

Sebelum wujudnya persekolahan Melayu, masyarakat Brunei telahpun mempunyai sistem pendidikan Islam walaupun tidak secara formal. Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa pendidikan tersebut dipercayai sudah bermula serentak dengan proses Islamisasi pada masyarakat tempatan. Fenomena ini tidak hanya berlaku di Brunei, bahkan terjadi juga pada negeri-negeri lain di rantau nusantara ini seperti Indonesia, Malaysia (tanah Melayu) dan Filipina. Hal ini berlaku kerana hanya menerusi pendidikan sahaja ajaran Islam dapat difahami dan dilaksanakan. Dengan adanya kefahaman ini barulah mereka dapat menjalani kehidupan harian sebagai seorang muslim yang sempurna. Oleh sebab itulah Islam mewajibkan kepada umatnya agar menuntut ilmu khasnya ilmu agama bagi meneguhkan pegangan terhadap Islam. Ilmu keduniaan pula terutama yang boleh mendatangkan kebajikan kepada umat manusia memang digalakkan oleh Islam untuk dipelajari bersama. (Asbol Mail 2006)

Anjuran menuntut ilmu memang jelas terdapat dalam Hadith Rasulullah sallallahu alaihi wasallam yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik radhiyallahu ‘anhu ;

*“Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap orang Islam (lelaki dan perempuan).”*

[Hadith Riwayat Ibnu Majah dan Abu Ya’la]

Sekiranya difokus kepada pendidikan hari ini, memang terdapat jurang yang besar antara pendidikan agama dengan pendidikan umum. Buktinya, pendidikan agama yang diajarkan pada sesi sebelah pagi yang dikenali dengan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah bawah hanya diajarkan beberapa waktu (*period*) sahaja dalam masa seminggu (atau tepatnya lima hari persekolahan). Manakala di peringkat menengah atas pula ia dijadikan

subjek pilihan (*option subject*), bukannya mata pelajaran wajib. Sedikit berbeza dengan Program menengah vokasional yang diadakan di sekolah (khusus untuk para pelajar yang gagal peperiksaan PMB dua tahun berturut-turut) hanya diajarkan mata pelajaran Tarbiyah Islam untuk lima *period* selama seminggu. Jadi di manakah kesinambungan pelajaran agama? Bolehkah para pelajar hari ini terbentuk akhlaknya dengan nilai-nilai yang baik dan murni seandainya pendidikan agama tidak diterapkan secara *konsisten*? Begitu juga dengan para pelajar di peringkat Pra-Universiti pula ditawarkan dengan mata pelajaran Syariah dan Usuluddin sebagai mata pelajaran pilihan juga, dan jika dilihat statistik keramaian pelajar sememangnya tidak ramai yang ingin mengikuti kedua-dua mata pelajaran ini setiap tahun, memandangkan prospek masa depan terhadap kedua-dua mata pelajaran ini tidak jelas dan seolah-olah tidak dihiraukan malah ibarat di pinggiran sahaja, tidak seperti mata pelajaran lain yang lebih dibangga-banggakan.

Sedangkan jika diimbaz kembali sejarah ketamadunan Islam silam telah melahirkan banyak tokoh-tokoh ilmuwan Islam di zaman Bani Abbasiyah dan selepasnya, yang tidak hanya menumpukan pendidikan umum semata-mata bahkan *diintegrasikan* pendidikan agama dengan pendidikan *sekular*, misalnya ;

- (i) **Bidang Falsafah** : *al-Kindi* yang menggabungkan falsafah dan pemikiran Yunani dengan falasafah dan pemikiran Islam; *al-Farabi* yang telah menghasilkan sebuah karya yang bertajuk *Ihsan alMlum* yang merupakan karya berbentuk politik berasaskan ajaran dan fahaman *Plato* dan *Aristotle* diadunkan dengan falsafah Islami; *Ibnu Rusyd* seorang ahli sarjana Islam yang banyak menterjemahkan karya-karya *Aristotle*.
- (ii) **Bidang astronomi dan astrologi** : *al-Biruni* telah memperkenalkan *Teori Auja* iaitu teori jarak jauh dan dekat di antara sebuah planet daripada fokusnya, dan mencipta kompas; *Umar Khayyam* yang menghasilkan karya *Al-Tarikh Al-Jalani* yang membincangkan ilmu astronomi.
- (iii) **Bidang matematik** : *al-Khawarizmi* seorang ahli matematik ulung yang telah menulis sebuah buku bertajuk *al-Jabrwa al-Muqabalah* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan digunakan untuk mengajar di kebanyakan universiti Eropah. Beliau juga memperkenalkan teori asal usul angka serta ilmu *aljabar (algebra)* dengan menumpukan perhatian dalam bidang persamaan *kuodratik*; *al-Battani* pula memperkenalkan teori *tangen, sinus* dan *kosinus* dalam bidang *trigonometri*.
- (iv) **Bidang perubatan** : *Ibnu Sina* yang juga dikenali dengan *Avicenna* di Eropah telah mengemukakan teori mengenai perubatan sakit saraf, sakit jiwa dan peredaran darah dalam tubuh manusia, serta telah berusaha menggabungkan falsafah dan teori sains; *al-*

**Razi** pula seorang tokoh ilmu perubatan moden berbangsa Parsi yang terkenal dalam bidang perubatan penyakit cacar dan campak, dan menguasai bidang perubatan fizik, biologi, kimia dan astronomi; **Ibnu al-Nafis** seorang pakar bedah yang terkenal di Damsyik dan menghasilkan buku pembedahan bertajuk *al-Shamil Fil-Sinaat at-Tabib*, iaitu berkenaan teknik pembedahan dan rawatan.

- (v) **Bidang pelayaran dan pengembaraan** : **al-Masudi** menghasilkan karya *Muruj al-Dhabab* menceritakan kehidupan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu yang kemudiannya menjadi bahan penting dalam kajian antropologi dan sosiologi orang-orang Eropah; **Ibnu Battutah** seorang pengembara yang telah menganalisa kebudayaan masyarakat dunia dan telah mengembara dari Tawjah, Afrika Utara ke India, Asia Tenggara hingga ke China; **Ibnu Jubayr** yang berasal dari Andalus, Sepanyol salah seorang tokoh pengembara Islam yang telah menghasilkan sebuah karya berjudul *Rihlah Ibn Jubayr* (catatan segala pengalaman dan peristiwa yang ditempuhi sepanjang dalam pelayarannya).

#### **PERBEZAAN DUALISME PENDIDIKAN DENGAN SISTEM PENDIDIKAN BERSEPADU**

Sistem *dualisme* dalam pendidikan adalah berbeza dengan sistem pendidikan bersepadu. Jika sistem *dualisme* memisahkan dan mengasingkan antara pendidikan agama dengan pendidikan umum, sistem pendidikan bersepadu pula menyatukan dan meng*integrasikan* pendidikan agama dengan pendidikan umum.

Pendidikan bersepadu juga dikenali dengan istilah Pendidikan *Integral*. Di antara lain definisi Pendidikan Bersepadu yang dikemukakan oleh beberapa tokoh pendidikan Islam ialah seperti berikut ;

1. Pendidikan yang menekankan kepada kesatuan ilmu pengetahuan; bukan pendidikan yang menekankan kepada pemangsaan (pemetakan) ilmu atau bukan pendidikan bersifat khusus, berikhtisas sempit atau kevakasian. [Profesor Shahrir]
2. Seluruh proses pendidikan dan perkembangan ilmu tidak terpisah daripada tauhid, sama ada rohani, jasmani dan akli. Coraknya adalah bersepadu; lantaran itu segala ilmu bersifat kusus dan sekaligus penglibatannya adalah ibadat bagi manusia. [Dr. Abdul Halim Muhammad]
3. Pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis, disamping adanya integrasi disiplin-disiplin ilmu akal ke arah membina komuniti umat yang berteraskan akidah. [Tajul]

4. Pendidikan yang menyatukan jiwa dan raga, dunia dan akhirat yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, dilandasi oleh semangat tauhid, serta keserasian antara iman, ilmu dan amal.  
[Mohammad Natsir]

Berdasarkan definisi yang dikemukakan, pendidikan bersepadu boleh disimpulkan dengan ciri-ciri khas berikut ;

- (a) Pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.
- (b) Pendidikan yang berteraskan tauhid.
- (c) Adanya integrasi antara iman, ilmu dan amal.
- (d) Tidak ada pemisahan antara konsep ilmu agama dan ilmu dunia, dan tiada pemisahan antara pendidikan agama dan pendidikan umum. (Gamal Abdul Nasir, 2003)

*Dualisme* pendidikan pula lebih mementingkan satu aspek pendidikan sahaja iaitu sama ada lebih menjurus kepada pendidikan agama ataupun lebih memfokus kepada pendidikan umum. Kedua-dua jenis pendidikan tersebut tidak disatupadukan sama sekali. Akibatnya tiada keseimbangan antara pendidikan agama dengan pendidikan umum. Mereka yang menceburi bidang pendidikan agama akan lebih mahir dalam bidang keagamaan (hukum hakam, fiqh ibadat dan mu'amalat, fardhu 'ain dan fardhu kifayah) tanpa sedikitpun mengambil berat keperluan pendidikan umum sebagai ilmu pengetahuan tambahan yang perlu ada bagi setiap individu. Manakala mereka yang mempelajari bidang pendidikan umum seperti ilmu matematik, ilmu perubatan, sains, geografi dan sebagainya akan mempunyai kemahiran dalam bidang masing-masing tetapi tidak dicampuri dengan ajaran Islam yang *syumul* dan *kamil*. Pendidikan umum (atau pendidikan *sekular*) dikatakan lebih tertumpu kepada hal ehwal urusan keduniaan, sebaliknya pendidikan agama pula lebih banyak menguasai bidang ibadat dan hal ehwal akhirat. Maka atas sebab itulah pendidikan agama dipisahkan daripada pendidikan umum secara keseluruhan memandangkan faktor perbezaan tersebut.

Islam memang tidak melarang bahkan lebih kepada menggalakkan umatnya agar mempelajari bidang pengetahuan yang selain daripada bidang keagamaan. Tujuannya hanyalah semata-mata agar umat Islam tidak ketinggalan dengan kepesatan ilmu yang semakin hari semakin canggih kini. Saranan untuk menuntut ilmu memang banyak dinukilkan melalui ayat Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah sallallahu alaihi wasallam. Antaranya Sa'ad bin Abi Waqqas radhiyallahu anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam pernah bersabda, "*Kelebihan ilmu lebih aku sukai daripada kelebihan ibadat. Kebaikan dalam agama kamu ialah warak.*" [Hadith Riwayat al-Hakim]

## **IMPLIKASI DUALISME DALAM PENDIDIKAN**

Kalau ditinjau secara rambang, memang tidak dinafikan kemajuan sesebuah negara banyak dibangunkan oleh unsur-unsur pendidikan umum, sama ada dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan, hubungan antarabangsa, dan sebagainya. Sungguhpun begitu, faktor pendidikan agama perlu diselaraskan dan dititikberatkan agar segala perancangan dan tindakan tidak menyimpang dari landasan yang lurus dan betul. Begitu juga dengan aspek pendidikan secara khusus perlu ada integrasi antara agama dan ilmu umum.

Salah seorang tokoh pembaharuan Islam yang banyak berkecimpung dalam bidang pendidikan iaitu Muhammad Abduh melihat adanya bahaya dalam sistem pendidikan yang bersifat *dualisme* antara madrasah-madrasah (sekolah-sekolah) yang hanya memberikan pelajaran pengetahuan agama yang hanya akan melahirkan golongan ulama'-ulama' yang tidak mempunyai pengetahuan ilmu-ilmu moden, dengan sekolah-sekolah moden yang mengeluarkan ahli-ahli dalam berbagai bidang keilmuan dan kemahiran yang sedikit pengetahuan agamanya. Lantaran dengan memasukkan ilmu pengetahuan moden ke dalam sekolah-sekolah (khususnya Universiti Al-Azhar) dan dengan memperkuat didikan agama di sekolah-sekolah, maka jurang yang memisahkan golongan ulama' dari golongan ahli ilmu akan dapat diperkecilkan.

Secara globalnya, impak yang negatif besar kemungkinan akan wujud melebihi kesan positif sekiranya diamalkan sistem *dualisme* ke dalam pendidikan. Ini kerana golongan cendekiawan dan ilmuwan yang lahir dari dua sistem pendidikan yang didiskriminasikan ini akan saling bersaing antara satu sama lain, bukan dalam keadaan yang membina bahkan mungkin menjatuhkan sesama sendiri walaupun beragama Islam. Inilah yang akan menyebabkan konflik pemikiran yang tidak selari malah bertentangan dengan ajaran Islam.

## **KESIMPULAN**

Faktor pembaratan telah menyebabkan ramai kalangan masyarakat Islam menjadi *dualistik*. Sejarah tamadun Islam telah menunjukkan bahawa ilmu dan pendidikan Islam berlaku secara *integratif*. Ilmu mengurus diri seperti akidah, ibadah, akhlak dan syariah mendasari ilmu-ilmu mengurus sistem.

Faktor penjajahan di dunia Islam pula dan faktor kemerosotan tamadun Islam kian hari menyebabkan ilmu dan pendidikan tersisih dari nilai fitrah. Ilmu dan pendidikan tumbuh dalam binaan asas yang menolak faktor pendidikan rabbani. Akhirnya ilmu dan pendidikan menjadi *sekular* dan melahirkan para pelajar yang melihat faktor duniawi mengatasi segala-galanya. Umumnya pertimbangan agama tidak dijadikan pertimbangan utama dalam penyuburan ilmu dan pembangunan pendidikan, seterusnya menyebabkan fahaman *sekular* berkembang.

Dalam pada itu, faktor globalisasi yang sedang berjalan disamping faktor positif yang boleh dimanfaatkan pula menjadikan umat Islam terjebak dalam proses pembaratan. Penjajahan pemikiran, gaya hidup, ekonomi dan teknologi langit terbuka amat ketara berlaku dalam kehidupan orang-orang Islam khususnya di kalangan generasi muda.

Menyingkap beberapa faktor tersebut, sebagai jawapan yang terbaik terhadap cabaran globalisasi kini ialah proses Islamisasi. Islamisasi tidak menolak kepentingan ilmu sains dan teknologi, ekonomi dan kewangan, pengurusan dan penyelidikan, dan seumpamanya. Bahkan asas nilai dan agama menjadi teras dalam rangka ilmu dan pendidikan itu sendiri. Islamisasi adalah satu proses jangka masa yang panjang yang memerlukan rangka ilmu dibangunkan secara sistematik supaya wujud asas *epistemologi* (ilmu) yang sepadu dan seimbang, dan asas *metodologi* (kaedah-kaedah) yang mampu membangunkan modal insan yang *holistik*.

Institusi yang mendukung Islamisasi perlu dikembangkan disamping '*literature*' (kesusasteraan) atau bahan kajian dan penulisan perlu disuburkan agar sumber-sumber ini dapat mengukuhkan proses pendidikan yang sedang berjalan. Secara jangka panjangnya, setiap disiplin ilmu didukung oleh falsafah, nilai dan *tasawwur* (gambaran) yang tidak sahaja mendukung maksud fikir dan zikir. (Prof Dr Sidek Baba, 2006)

Kesimpulannya, pendidikan agama yang bersumberkan kepada Al-Qur'an dan Hadith adalah sebenarnya menjadi tunjang kepada semua pendidikan umum yang ada di dunia. Ertinya ilmu-ilmu yang ada di dunia ini selain daripada agama Islam pokok pangkalnya memang berasal daripada agama Islam itu sendiri, dan mempunyai hubungkait yang rapat antara satu sama yang lain. Kesemuanya termaktub di dalam Al-Qur'an dan Al-Hadith sebagai perlembagaan Islam yang berharga hingga ke akhir zaman. Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan menerusi petikan ayat Al-Qur'an dalam Surah al-Maidah : ayat 48, Allah telah berfirman yang mafhumnya ;

*"Dan Kami telah turunkan kepadamu Al-Qur'an dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, iaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian terhadap kitab-kitab yang lain itu; maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu. Kami berikan peraturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki nescaya kamu dijadikanNya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberianNya kepadamu, maka berlumba-lumbalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allahlah kembali kamu semuanya, lalu diberitahukanNya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu."*

## **RUJUKAN (BIBLIOGRAFI)**

1. *Al-Qur'an Dan Terjemahnya Juz 1 – 30* (1997). Kuala Lumpur : Pustaka Antara Sdn Bhd.
2. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2001). *Tesaurus Melayu Moden Utusan*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
3. Ammar Fadzil (2007). *Anatomi Al-Quran Mengenal Ilmu, Sejarah & Kandungan Al-Quran*. Selangor : PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
4. Arbak Othman (1997). *Kamus Bahasa Melayu*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
5. Dr Abdurrahman Salleh Abdullah (1990). *Teori-teori Pendidikan berdasarkan Al-Qur'an*. Jakarta : Rineka Cipta.
6. Dr Hj Maimun Aqsha bin Hj Abidin Lubis (1999). *Tajuk-Tajuk Falsafah Pendidikan Islam*. Brunei : Pusat Teknologi Pendidikan, UBD.
7. Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003). *Mohammad Natsir Pendidik Ummah*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
8. H. Abuddin Nata (2001). *Paradigma Pendidikan Islam*. Jakarta : Penerbit PT Gramedia Widiasarana.
9. Hj Awg Asbol bin Hj Mail (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950 – 1985*. Bandar Seri Begawan : Pusat Sejarah Brunei, KKBS.
10. *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Prof Dr Sidek Baba (2006). *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia*. Selangor : Karya Bestari Sdn Bhd.
12. Rammani Karupiah (2001). *Kursus Lengkap Sarjana STPM Sejarah Kertas 940/1 Tamadun Dunia*. Selangor : Pustaka Sarjana Sdn Bhd
13. Zahazan Mohamed & Ahmad Hasan Mohd. Nazam (2007). *300 Hadis Bimbingan Ke arah mencari reda Allah*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn Bhd
14. <http://ajosoccer.blog.friendster.com/2008/04/>
15. <http://sarjana.tripod.com/dualisme3.html>
16. <http://sutrisno1963.wordpress.com/2008/01/21/buku-pendidikan-yang-menghidupkan/>
17. <http://www.brunet.bn/news/pelita/21dis/teropong.htm>

**Hj Rose De Yusof bin Hj Mohd Ramlee ( 08M0751 )**

**Sarjana Pendidikan dalam Pengajian Islam**

**Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam**

**29 Januari 2009**